

Pastikan kaedah baharu ganti UPSR, PT3 capai matlamat

BH/03.07.24/MIS 13

Nurulain
Muhd Amin,
Universiti
Malaysia Terengganu

Tidak dapat dinafikan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), memberikan cabaran baharu kepada warga pendidik.

Hal ini ditambah dengan silibus setiap mata pelajaran yang dikatakan semakin susah, justeru menyebabkan murid cepat jemu dan akhirnya memudarkan minat terhadap pelajaran.

Hal ini ada benarnya kerana kemajuan teknologi semasa menyaksikan ramai murid mampu memperoleh wang dengan mudah dalam jumlah yang besar.

Justeru, tidak hairan hal ini turut memudarkan minat mereka terhadap pelajaran. Guru perlu bekerja lebih keras misalnya mempelajari teknik pe-

ngajaran baharu selari dengan minat serta bersifat sezaman.

Namun, pada masa sama, pemansuhan dua peperiksaan itu turut memberi kesan kepada pelajar. Mereka dilihat tidak ada arah tujuan dalam pelajaran kerana peperiksaan hanya akan diadakan pada Tingkatan Lima. Jadi, sebelum tempoh itu datang atau tidak ke sekolah bukan hal besar.

Apatah lagi jika sebelum itu mereka sudah mampu memperoleh wang yang banyak dengan menjadi pempengaruh atau pekerjaan lain, minat mereka untuk ke sekolah turut terhenti. Untuk sebahagian mereka apalah guna belajar tinggi jika imbuhan yang diperoleh tidak setimpal.

Maka, minat mereka untuk menuntut ilmu secara formal di sekolah akan semakin luntur dan

hasrat untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kian terkubur akibat daripada hilangnya motivasi dalam diri mereka.

Justeru, semua pihak terbabit perlu memastikan kaedah baharu yang diperkenalkan menggantikan UPSR dan PT3 mampu berfungsi dengan baik, selain pada masa sama mampu menarik minat pelajar bersekolah. Memang rasionalnya perubahan baharu akan mengambil masa untuk kita melihat kejayaannya.

Jadi, usaha yang perlu dibuat Kementerian Pendidikan sangat mencabar dan memerlukan sokongan banyak pihak. Kesimpulannya, sistem baharu yang diperkenal dan sedang dilaksanakan ini boleh ditambah baik bagi memenuhi kehendak sasaran sewajarnya.